

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- PEKELILING -

KEJUJURAN DAN KETEKUNAN

Fail : ()MBSA/PTD/SM/500-4/16 Jld. 9

Tarikh : 9 Oktober 2014
14 Zulhijjah 1434 H

Kepada:

Semua Ahli Majlis,
Pegawai dan Warga Kerja,
Majlis Bandaraya Shah Alam

Y.A.D Dato'/Y.Bhg. Dato'/ Datin/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PELANTIKAN AHLI MAJLIS BAGI MENGANGGOTAI MESYUARAT
JAWATANKUASA TABUNG MAJIKAN PRIHATIN (TMP) MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Penuh Majlis Kali Ketujuh Tahun 2014 (sesi 2014/2015) bertarikh 29 September 2014, telah bersetuju untuk meluluskan pelantikan Ahli Majlis bagi menganggotai Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Majikan Prihatin Majlis Bandaraya Shah Alam.


3. Dua orang Ahli Majlis yang dimaksudkan adalah Encik Prakash Rao a/l Applasamy, bagi mewakili kaum India, dan Tuan Ir. Foong Saik Hoong, mewakili kaum Cina. Pelantikan kedua-dua Ahli Majlis ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2014.

4. Dimaklumkan juga, Encik Abdul Manaff bin Yusoff, merupakan Ahli Majlis yang telah dilantik bagi mewakili kaum Melayu, sejak penubuhan Tabung Majikan Prihatin pada tahun 2009.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menjalankan tugas,


(MOHTAR BIN HANI)
Timbalan Datuk Bandar

s.k. 1. Datuk Bandar

MB/nms...memopekelilingtmp